

KOMUNITI KITA

Bina karakter untuk latihan kerja



SEBAHAGIAN daripada peserta FSTEP yang menyertai Program Outward Bound selama 10 hari di Lumut, Perak baru-baru ini.



JATI DIRI. Seramai 108 peserta Program Meningkatkan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) menyertai Program Outward Bound selama 10 hari baru-baru ini sebagai persediaan ke alam pekerjaan.

Program OBS itu memberi penekanan ke atas pembinaan karakter dan keberkesanan kerja berpasukan dengan melakukan aktiviti berkayak, memanjat dinding, merentas hutan, berkanu dan berakit serta perkhemahan solo.

Selesai menjalani program tersebut, semua peserta memulakan latihan kerja selama lima bulan di institusi kewangan terpilih.

FSTEP adalah program intensif selama setahun dengan objektif untuk melatih graduan berkaliber tinggi untuk industri perkhidmatan kewangan.